

## SURAH TAHA



Surah: 20 Juzuk: 16 Bil. Ayat: 135

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Taa ,Haa.
2. Kami tidak menurunkan al-Quran kepadamu (wahai Muhammad) supaya engkau menanggung kesusahan.
3. Hanya untuk menjadi peringatan bagi orang yang takut melanggar perintah Allah.
4. (Al-Quran) diturunkan daripada (Tuhan) yang menciptakan bumi dan langit yang tinggi.
5. Iaitu (Allah) Ar-Rahman, yang bersemayam di atas Arasy.
6. MilikNya segala yang ada di langit dan yang ada di bumi serta yang ada di antara keduanya dan juga yang ada di bawah tanah basah di perut bumi.
7. Dan jika engkau menyaringkan suara pada doamu, (maka yang demikian tidaklah perlu), kerana sesungguhnya Allah mengetahui segala rahsia dan segala yang tersembunyi.
8. Allah! Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Dia, bagiNyalah segala nama yang baik.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

طه ﴿١﴾

مَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِتَشْقَى ﴿٢﴾

إِلَّا تَذَكَّرَ لِمَنْ يَخْشَى ﴿٣﴾

تَزِيلًا لِمَنْ خَلَقَ الْأَرْضَ وَالسَّمَوَاتِ الْعُلَى ﴿٤﴾

الرَّحْمَنِ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ﴿٥﴾

لَهُ وَمَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا

بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ الثَّرَى ﴿٦﴾

وَإِنْ تَجَهَّرَ بِأَقْوَابِهِ فَإِنَّهُ يَعْلَمُ السِّرَّ

وَإخْفَى ﴿٧﴾

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى ﴿٨﴾

9. Dan sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) kisah nabi Musa?
10. Ketika dia (Musa) melihat api, lalu berkatalah dia kepada keluarganya: “Tinggallah kamu (di sini), sesungguhnya aku melihat api, mudah-mudahan aku dapat membawa sedikit daripadanya kepadamu atau aku akan mendapat petunjuk di tempat api itu.”
11. Maka apabila dia sampai ke tempat api itu (kedengaran) dia diseru: «Wahai Musa!»
12. Sesungguhnya Aku Tuhanmu! Maka bukalah kasutmu, kerana engkau sekarang berada di Wadi Tuwa yang suci.
13. Dan Aku telah memilihmu menjadi rasul maka dengarlah apa yang akan diwahyukan kepadamu.
14. Sesungguhnya Akulah Allah, tiada tuhan melainkan Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah solat untuk mengingati Aku.
15. Sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang - yang Aku sengaja sembunyikan masa datangnya - supaya setiap diri dibalas akan apa yang dia lakukan.
16. Maka janganlah engkau dihalangi daripada memercayainya oleh orang yang tidak beriman

وَهَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ مُوسَى ﴿٩﴾

إِذْ رَأَىٰ نَارًا فَقَالَ لِأَهْلِهِ امْكُثُوا إِنِّي آنستُ نَارَ الْعَلِيِّ ءَاتِيكُمْ مِنْهَا بِقَبَسٍ أَوْ أَجْدٍ عَلَىٰ النَّارِ هُدًى ﴿١٠﴾

فَلَمَّا أَتَاهَا نُودِيَ بِمُوسَى ﴿١١﴾

إِنِّي أَنَا رَبُّكَ فَاخْلَعْ نَعْلَيْكَ إِنَّكَ بِآلِوَادِ الْمُقَدَّسِ طَوًى ﴿١٢﴾

وَأَنَا الْخَيْرُ نَكُ فَاسْتَمِعْ لِمَا يُوحَىٰ ﴿١٣﴾

إِنِّي أَنَا اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاعْبُدْنِي وَأَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِي ﴿١٤﴾

إِنَّ السَّاعَةَ ءَاتِيَةٌ أَكَادُ أُخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا تَسْعَىٰ ﴿١٥﴾

فَلَا يَصُدُّكَ عَنْهَا مَنْ لَابُؤْمِنٌ بِهَا وَاتَّبَعَ هَوْلَهُ فتردى ﴿١٦﴾

kepadanya serta dia menurut hawa nafsunya; kerana dengan itu engkau akan binasa.

17. Dan apa (bendanya) yang di tangan kananmu itu wahai Musa?
18. Nabi Musa menjawab: «Ini ialah tongkatku, aku bertongkat dengannya semasa berjalan dan aku memukul dengannya daun-daun kayu supaya gugur kepada kambing-kambingku, dan ada lagi lain-lain keperluanku pada tongkat itu».
19. Allah Taala berfirman: «Campakkan tongkatmu itu wahai Musa!»
20. Lalu dia mencampakkannya, maka tiba-tiba tongkatnya itu menjadi seekor ular yang bergerak menjalar.
21. Allah berfirman: «Tangkaplah akan dia, dan janganlah engkau takut, Kami akan kembalikannya kepada keadaannya yang asal.
22. Dan kepitlah tanganmu di celah ketiakmu; nescaya keluarlah ia putih bersinar-sinar dengan tidak ada kecacatan; sebagai satu mukjizat yang lain.
23. (Berlakunya yang demikian itu) kerana Kami hendak memperlihatkan kepadamu sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan Kami yang besar.

وَمَا تِلْكَ بِيَمِينِكَ يَا مُوسَى ﴿١٧﴾

قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّأُ عَلَيْهَا وَأَهُشُّ بِهَا عَلَى غَنَمِي وَلِيَ فِيهَا مَآرِبُ أُخْرَى ﴿١٨﴾

قَالَ أَلْقِهَا يَا مُوسَى ﴿١٩﴾

فَأَلْقَاهَا فَإِذَا هِيَ حَيَّةٌ تَسْعَى ﴿٢٠﴾

قَالَ خُذْهَا وَلَا تَخَفْ سَنُعِيدُهَا سِيرَتَهَا الْأُولَى ﴿٢١﴾

وَأَضْمَمْنَا يَدَكَ إِيَّا جَانِحِكَ فَخَرَجَ يَظْهَرًا مِّنْ غَيْرِ سَوْءِ آيَةٍ أُخْرَى ﴿٢٢﴾

لِيُرِيكَ مِنْ آيَاتِنَا الْكُبْرَى ﴿٢٣﴾

24. Pergilah kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas.
25. Nabi Musa berdoa dengan berkata: Wahai Tuhanku, lapangkanlah dadaku.
26. Dan permudahkanlah tugasku.
27. Dan lepaskanlah simpulan daripada lidahku.
28. Supaya mereka faham perkataanku.
29. Dan jadikanlah bagiku seorang penyokong daripada keluargaku.
30. Iaitu Harun saudaraku.
31. Teguhkanlah kekuatanku dengannya (Harun).
32. Dan libatkanlah dia dalam urusanku.
33. Supaya kami sentiasa beribadat dan memujiMu.
34. Dan (supaya) kami sentiasa menyebut dan mengingatiMu.
35. «Sesungguhnya Engkau sedia melihat dan mengetahui keadaan kami».
36. Allah berfirman: «Sesungguhnya telah diberikan kepadamu apa yang engkau pohonkan itu, wahai Musa!
37. «Dan sesungguhnya! Kami telahpun mengurniakan kepadamu pelbagai nikmat pada satu masa yang lain sebelum ini.

أَذْهَبَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٢٤﴾

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٢٥﴾

وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ﴿٢٦﴾

وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّنْ لِّسَانِي ﴿٢٧﴾

يَفْقَهُوا قَوْلِي ﴿٢٨﴾

وَاجْعَلْ لِّي زَوْجًا مِّنْ أَهْلِي ﴿٢٩﴾

هَارُونَ أَخِي ﴿٣٠﴾

أَشَدِّدْ بِهِ أَزْرِي ﴿٣١﴾

وَاشْرِكْهُ فِي أَمْرِي ﴿٣٢﴾

كَيْ نُسَبِّحَكَ كَثِيرًا ﴿٣٣﴾

وَنَذْكُرَكَ كَثِيرًا ﴿٣٤﴾

إِنَّكَ كُنْتَ بِنَا بَصِيرًا ﴿٣٥﴾

قَالَ قَدْ أُوتِيتَ سُؤْلَكَ يَا مُوسَىٰ ﴿٣٦﴾

وَلَقَدْ مَنَّا عَلَيْكَ مَرَّةً أُخْرَىٰ ﴿٣٧﴾

38. «Ketika Kami ilhamkan kepada ibumu perkara yang perlu dilakukannya.
39. «Letakkanlah anakmu di dalam peti, kemudian lepaskanlah peti itu ke laut, maka biarlah laut itu membawanya terdampar ke pantai, supaya dipungut oleh musuhKu dan musuhnya; dan Aku telah tanamkan perasaan kasih sayang manusia daripadaKu terhadapmu; dan supaya dipelihara dengan pengawasanKu.
40. «Ketika saudara perempuanmu pergi mencarimu lalu berkata kepada orang yang memungutmu: «Mahukah aku tunjukkan kepada kamu orang yang boleh memeliharanya?» Maka dengan cara itu Kami mengembalikanmu kepada ibumu supaya tenang hatinya dan supaya dia tidak berdukacita kerana berpisah denganmu. Dan semasa engkau membunuh seorang lelaki, lalu Kami selamatkan engkau daripada kesusahan pembunuhan itu, dan Kami telah melepaskan engkau berkali-kali dari pelbagai cubaan, kemudian engkau tinggal beberapa tahun di kalangan penduduk negeri Madyan, setelah itu engkau datang sekarang dari sana pada masa yang telah ditentukan, wahai Musa!
41. «Dan Aku telah memilihmu untuk menjadi rasulKu.

إِذْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ أُمِّكَ مَا يُوحَىٰ ﴿٣٨﴾

أَن أَقْدِفِيهِ فِي التَّابُوتِ فَأَقْدِفِيهِ فِي الْيَمِّ فَكَلْبِقِهِ  
 الْيَمُّ بِالسَّاحِلِ بِأَحْذِهِ عَدُوِّي وَعَدُوُّهُ وَالْقَبْتُ  
 عَلَيْكَ مَحَبَّةٌ مِنِّي وَلِصْنَعِ عَلَيَّ عَيْنِي ﴿٣٩﴾

إِذْ تَمَثَّىٰ اخْتِكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَيَّ مِنْ  
 يَكْفُلُهُ ۖ فَرَجَعْنَاكَ إِلَىٰ أُمِّكَ كَيْ تَقَرَّعَيْنَهَا  
 وَلَا تَحْزَنَ ۗ وَكُنْتَ نَفْسًا فَجَجَيْنَاكَ مِنَ الْعِمْرِ  
 وَفَتْنًاكَ فُتُونًا فَلَبِثْتَ سِينِينَ ۖ فِي أَهْلِ مَدْيَنَ  
 ثُمَّ جِئْتَ عَلَيَّ قَدَرًا يَمْوَدُّ لِئَلَّا يَكْفُرَ بَدْعِيَ ﴿٤٠﴾

وَأَصْطَفَيْنَاكَ لِنُنْفِئَكَ ﴿٤١﴾

42. «Pergilah engkau dan saudaramu dengan membawa mukjizat-mukjizatKu dan janganlah kamu berdua lemah dan cuai dalam menyebut serta mengingatkan Aku.
43. «Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas dalam kekufurannya.
44. «Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia ingat atau takut».
45. Mereka berdua berkata: «Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami takut bahawa dia akan segera menyeksa kami, atau dia akan melampaui batas».
46. Allah berfirman: «Janganlah kamu takut, sesungguhnya Aku ada bersama-sama kamu, Aku mendengar dan melihat segala-galanya.
47. «Maka, pergilah kamu berdua kepadanya, kemudian katakanlah: «Bahawa sesungguhnya kami ini para rasul daripada Tuhanmu, maka bebaskanlah kaum Bani Israel mengikut kami, dan janganlah engkau menyeksa mereka. Sesungguhnya kami telah datang kepadamu membawa satu tanda (mukjizat) daripada Tuhanmu! Dan kesejahteraan itu adalah untuk orang yang menurut hidayah agama Allah.

أَذْهَبَ أَنْتَ وَأَخُوكَ بِآيَاتِي وَلَا تَنِيَا فِي  
ذِكْرِي ﴿٤٢﴾

أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

قَالَا رَبَّنَا إِنَّا نَتَخَفُ أَنْ يَفْطُرَ عَلَيْنَا أَوْ أَنْ  
يَطْغَىٰ ﴿٤٥﴾

قَالَ لَا تَخَافَا إِنِّي مَعَكُمْ أَسْمَعُ وَأَرَىٰ ﴿٤٦﴾

فَأَنبِئَاهُ فَقُولَا إِنَّا رَسُولَا رَبِّكَ فَأَرْسِلْ مَعَنَا  
بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا تَعَذِّبْهُمْ قَدْ جِئْنَاكَ بِآيَاتٍ مِنْ  
رَبِّكَ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ مَنْ أَتَبَعَ الْهُدَىٰ ﴿٤٧﴾

48. «Sesungguhnya telah diwahyukan kepada kami bahawa azab di dunia dan di akhirat ditimpakan kepada orang yang mendustakan ayat-ayat Allah dan berpaling daripadanya».
49. (Setelah mereka menyampaikan perintah Allah itu), Firaun berkata: «Jika demikian, siapakah Tuhan kamu berdua, wahai Musa?»
50. Nabi Musa menjawab: «Tuhan kami ialah yang telah memberikan kepada setiap sesuatu, bentuk kejadian yang sesuai dengannya, kemudian Dia memberi hidayah kepadanya».
51. Firaun bertanya lagi: «Jika demikian, bagaimana pula keadaan kaum-kaum yang telah lalu?»
52. Nabi Musa menjawab: «Pengetahuan mengenainya ada di sisi Tuhanku, tertulis di dalam sebuah kitab; Tuhanku tidak pernah keliru dan Dia juga tidak pernah lupa».
53. (Dialah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Dia telah mengadakan bagi kamu jalan-jalan, serta Dia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.

إِنَّا قَدْ أُوحِيَ إِلَيْنَا أَنَّ الْعَذَابَ عَلَىٰ مَنْ  
كَذَّبَ وَتَوَلَّى ﴿٤٨﴾

قَالَ هَٰؤُلَاءِ رَبُّكُمَا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٩﴾

قَالَ رَبُّنَا الَّذِي أَعْطَىٰ كُلَّ شَيْءٍ حَلْقَهُ ۖ ذُرِّهُ  
هَدَىٰ ﴿٥٠﴾

قَالَ فَمَا بَالُ الْقُرُونِ الْأُولَىٰ ﴿٥١﴾

قَالَ عَلِمَهَا عِنْدَ رَبِّي فِي كِتَابٍ لَا يَضِلُّ رَبِّي  
وَلَا يَنْسَى ﴿٥٢﴾

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ مَهْدًا وَسَوَّاكَ لَكُمْ  
فِيهَا سُبُلًا وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا  
بِهِ زَرْعًا ۚ لِمَنْ نَبَاتِ شَيْءٍ ﴿٥٣﴾

54. Makanlah kamu daripadanya dan berilah makan binatang-binatang ternakan kamu; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan Allah, bagi orang yang berakal.
55. Daripada bumilah Kami ciptakan kamu, dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi.
56. Dan sesungguhnya! Kami telah tunjukkan kepada Firaun segala tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Kami, tetapi dia mendustakannya dan enggan beriman.
57. Firaun berkata: «Patutkah engkau datang kepada kami untuk mengeluarkan kami dari negeri kami dengan sihirmu, wahai Musa?»
58. «Jika demikian, sesungguhnya kami juga akan bawakan kepadamu sihir seperti itu untuk melawanmu! Maka tetapkanlah suatu tempoh pertemuan antara kami denganmu, yang kita tidak akan memungkirinya, di suatu tempat yang sesuai bagi kedua-dua pihak».
59. Nabi Musa menjawab: «Tempoh yang aku tetapkan untuk kamu itu ialah hari perayaan, dan hendaklah orang ramai berhimpun pada waktu dhuha».

كُلُوا وَارْعَوْا أَنْعَامَكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ  
لِّأُولِي النَّهْيِ ﴿٥٤﴾

\* مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا  
نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى ﴿٥٥﴾

وَلَقَدْ آرَيْنَاهُ آيَاتِنَا كُلَّهَا فَكَذَّبَ وَأَبَى ﴿٥٦﴾

قَالَ أَجِئْتَنَا لِتُخْرِجَنَا مِنْ أَرْضِنَا بِسِحْرِكَ  
يَمُوسَى ﴿٥٧﴾

فَلَمَّا آتَيْنَاكَ بِسِحْرِنَا قَبِلْتَهُ فَاَجْعَلْ بَيْنَنَا  
وَبَيْنَكَ مَوْعِدًا لَا نُخْلِفُهُ نَحْنُ وَلَا أَنْتَ مَكَانًا  
سُوًى ﴿٥٨﴾

قَالَ مَوْعِدُكُمْ يَوْمَ الزَّيْتَةِ وَأَنَّ مُجَشِّرَ النَّاسِ  
صُحَى ﴿٥٩﴾

60. Maka Firaun pun berangkat dari majlis itu. Dia mengumpulkan ahli-ahli sihir untuk menjalankan tipu-dayanya, kemudian dia datang ke tempat perlawanan.
61. Nabi Musa berkata kepada mereka: «Celakalah kamu kelak! Janganlah kamu mendakwa secara dusta terhadap Allah, kerana dengan sebab itu Dia akan membinasakan kamu dengan azab seksa; dan sesungguhnya orang yang berdusta tetap hampa dan kecewa».
62. Maka merekapun berbalah dan berunding sesama sendiri mengenai perkara sihir mereka, dan mereka merahsiakan apa yang mereka rundingkan.
63. Mereka berkata: «Dua orang ini, sebenarnya dua ahli sihir yang bertujuan hendak mengeluarkan kamu dari negeri kamu dengan sihir mereka dan hendak menenyapkan kepercayaan serta adat peraturan kamu yang utama.
64. «Maka, satukanlah segala tipu daya kamu, kemudian datanglah beramai-ramai dalam satu barisan untuk menentangnya; dan sesungguhnya beruntunglah orang yang menang pada hari ini».
65. Mereka berkata: «Wahai Musa! Adakah engkau yang akan mencampakkan terlebih dahulu atau kami yang mula-mula mencampakkan?»

فَتَوَلَّىٰ فِرْعَوْنُ فَجَمَعَ كَيْدَهُ ثُمَّ أَتَىٰ ﴿٦٠﴾

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰ وَيَلِكُمْ لَا تَفْتَرُوا عَلَيَّ اللَّهُ  
كَذِبًا فَيُسْحِتَكُمْ بِعَذَابٍ وَقَدْ خَابَ مِن  
أَفْتَرِيَّ ﴿٦١﴾

فَتَنَزَعُوا أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ وَأَسْرُوا التَّجْوِيَّ ﴿٦٢﴾

قَالُوا إِن هَٰذَانِ لَسَاحِرَانِ يُرِيدَانِ أَنْ  
يُخْرِجَاكُم مِّنْ أَرْضِكُمْ بِسِحْرِهِمَا وَيَذْهَبَا  
بَطْرِيقَتِكُمُ الْمُنْشَىٰ ﴿٦٣﴾

فَأَجْمِعُوا كَيْدِكُمْ ثُمَّ أَنْتُمْ صَفَاءٌ وَقَدْ أَفْلَحَ الْيَوْمَ  
مَنِ اسْتَعْلَىٰ ﴿٦٤﴾

قَالُوا يَا مُوسَىٰ إِمَّا أَنْ تُلْقِيَ وَإِمَّا أَنْ نَكُونَ أَوْلَىٰ  
مَنْ أَلْفَىٰ ﴿٦٥﴾

66. Nabi Musa menjawab: «Bahkan, kamu semua campakkanlah dahulu». Tiba-tiba tali-tali dan tongkat-tongkat mereka terbayang kepadanya seolah-olah ia berjalan dengan cepat disebabkan sihir mereka.
67. Maka yang demikian menjadikan Nabi Musa berasa takut sedikit dalam hatinya.
68. Kami berfirman kepadanya: «Janganlah engkau takut (wahai Musa)! Sesungguhnya engkaulah yang lebih hebat untuk mengatasi mereka.
69. «Dan campakkanlah apa yang ada di tangan kananmu, nescaya ia menelan segala (benda-benda sihir) yang mereka lakukan, kerana sesungguhnya apa yang mereka lakukan itu hanyalah tipu daya ahli sihir; sedang ahli sihir itu tidak akan menang, di mana sahaja dia berada».
70. (Nabi Musa pun mencampakkan tongkatnya yang terus menelan segala benda sihir mereka), keadaan itu menjadikan ahli-ahli sihir itu segera merebahkan diri sujud sambil berkata: «Kami beriman kepada Tuhan yang mengutuskan Nabi Harun dan Nabi Musa».
71. Firaun berkata: «Patutkah kamu beriman kepada Musa sebelum aku memberi keizinan kepada

قَالَ بَلْ أَلْقُوا فَإِذَا حِبَالُهُمْ وَعِصِيُّهُمْ يُخَيَّلُ  
إِلَيْهِ مِنْ سِحْرِهِمْ أَنْهَا تَسْعَى ﴿٦٦﴾

فَأَوْجَسَ فِي نَفْسِهِ خِيفَةً مُوسَى ﴿٦٧﴾

فَلَمَّا لَمْ يَنْصَبْ بِأَنَّكَ أَنْتَ الْأَعْلَى ﴿٦٨﴾

وَأَلْقَى مَا فِي يَمِينِكَ تَلَقَّفَ مَا صَعَوْا لِمَا صَعَوْا  
كَيْدُ سِحْرٍ وَلَا يُفْلِحُ السَّاحِرُ حَيْثُ أَتَى ﴿٦٩﴾

فَأَلْقَى السَّحْرَ سَجْدًا قَالُوا أَمَّا تَرَبُّهُ هَذُونَ  
وَمُوسَى ﴿٧٠﴾

قَالَ أَمْ مَسْرُورُهُ وَقَبْلَ أَنْ آدَنَ لَكَ وَإِنَّهُ لَكَيْدٌ

kamu? Sesungguhnya dialah ketua kamu yang mengajar sihir kepada kamu. Sesungguhnya aku akan memotong tangan dan kaki kamu dengan bersilang, dan aku akan memalang kamu pada batang-batang pohon tamar; dan sesungguhnya kamu akan mengetahui kelak siapakah di antara kita yang lebih keras azab seksanya dan lebih kekal».

72. Mereka berkata: «Kami tidak sama sekali akan mengutamakan kamu atas apa yang telah datang kepada kami dari bukti-bukti yang nyata dan Tuhan yang telah menjadikan kita semua. Maka, hukumkanlah apa sahaja yang engkau hendak hukumkan, kerana sesungguhnya engkau hanya dapat menghukum dalam kehidupan di dunia ini sahaja.
73. «Sesungguhnya kami telah beriman kepada Tuhan kami, supaya dia ampunkan kesalahan-kesalahan kami, dan dosa-dosa sihir yang engkau paksakan kami melakukannya; dan Allah jualah yang lebih baik dan lebih kekal balasan pahalaNya.
74. «Sesungguhnya sesiapa yang datang kepada Tuhannya pada hari akhirat dalam keadaan berdosa maka sesungguhnya baginya adalah neraka jahannam yang dia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup.

الَّذِي عَلَّمَكُمُ السِّحْرَ فَلَا وَقْتِ لَكُمُ  
وَأَرْجُلَكُمْ مِنْ خَلْفٍ وَلَا صَلْبَتَكُمْ فِي جُدُوعِ  
النَّخْلِ وَلَتَعْلَمُنَّ أَيُّنَا أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَى ﴿٧١﴾

قَالُوا لَنْ نُؤْثِرَكَ عَلَى مَا جَاءَنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ  
وَالَّذِي فَطَرْنَا فَاقْضِ مَا أَنْتَ قَاضٍ إِنَّمَا تَقْضِي  
هَذِهِ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ﴿٧٢﴾

إِنَّا آمَنَّا بِرَبِّنَا عَلَىٰ خَطِيئَتِنَا وَمَا آكْرَهْتَنَا  
عَلَيْهِ مِنَ السِّحْرِ وَاللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى ﴿٧٣﴾

إِنَّهُ وَمَنْ يَأْتِ رَبَّهُ مُجْرِمًا فَإِنَّ لَهُ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ  
فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ﴿٧٤﴾

75. «Dan sesiapa yang datang kepadaNya dalam keadaan beriman, serta dia telah melakukan amalan yang soleh, maka mereka itulah yang akan mendapat tempat-tempat tinggal yang tinggi darjatnya.
76. «Syurga-syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya, dan itulah balasan orang yang membersihkan dirinya daripada perbuatan kufur dan maksiat».
77. Dan sesungguhnya! Kami telah wahyukan kepada nabi Musa: «Hendaklah engkau membawa hamba-hambaKu (kaummu) keluar mengembara pada waktu malam, kemudian pukullah air laut dengan tongkatmu, untuk mengadakan jalan yang kering bagi mereka di laut itu, janganlah engkau bimbang ditangkap oleh musuh dan jangan pula engkau takut tenggelam».
78. Maka Firaun pun mengejar mereka bersama-sama dengan tenteranya, lalu dia dan orangnya diliputi oleh air laut yang menenggelamkan mereka semuanya dengan cara yang sangat dahsyat.
79. Dan dengan itu Firaun telah menjerumuskan kaumnya ke tempat kebinasaan, dan dia tidak membawa mereka ke jalan yang benar.

وَمَنْ يَأْتِهِمْ مُؤْمِنًا فَنَدْعِمِلْ الصَّالِحِينَ فَأُولَٰئِكَ  
لَهُمْ الدَّرَجَاتُ الْعُلَى ﴿٧٥﴾

جَنَّاتٍ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ  
فِيهَا ۚ وَذَٰلِكَ جَزَاءُ مَنْ تَزَكَّى ﴿٧٦﴾

وَلَقَدْ أَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِي  
فَأَضْرِبْ لَهُمْ مَطَرِقًا فِي الْبَحْرِ يَبَسًا لَا تَخَافُ  
فَرَكًا وَلَا تَحْشَى ﴿٧٧﴾

فَاتَّبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ وَجُنُودُهُ فَغَشِيَهِمْ مِنَ الْيَمِّ  
مَا عَشِيَهِمْ ﴿٧٨﴾

وَأَصْلَ فِرْعَوْنُ قَوْمَهُ، وَمَاهَدَى ﴿٧٩﴾

80. Wahai Bani Israel! Sesungguhnya Kami telah menyelamatkan kamu daripada musuh kamu, dan Kami telah janjikan kamu (dengan memberi wahyu kepada nabi Musa) di sebelah kanan Gunung Tursina itu, dan kami turunkan kepada kamu «manna» dan «salwa».

يٰۤاِسْرٰٓءِيْلَ قَدْ اٰنٰجَيْنٰكُمْ مِّنْ عَدُوِّكُمْ  
وَوَعَدْنَاكُمْ جَانِبَ الطُّورِ الْاَيْمَنِ وَنَزَّلْنَا عَلَيْكُمُ  
الْمَنَّٰنَ وَالسَّلٰوٰى ﴿٨٠﴾

81. Serta Kami katakan: Makanlah daripada benda-benda yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu, dan janganlah kamu melampaui batas padanya, kerana dengan yang demikian kamu akan ditimpa kemurkaanKu, dan sesiapa yang ditimpa kemurkaanKu, maka sesungguhnya binasalah dia.

كُلُوْا مِمَّنْ طَيَّبْتُمْ مَّا رَزَقْنٰكُمْ وَلَا تَطْعَمُوْا فِيْهِ  
فَيَجْعَلْ عَلَيْكُمْ عَضِيْبًا وَّمَنْ يَّجْعَلْ عَلَيْهِ  
عَضِيْبًا فَقَدْ هَوٰى ﴿٨١﴾

82. Dan sesungguhnya Aku yang memberi keampunan kepada orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh, kemudian dia tetap teguh menurut hidayah yang diberikan kepadanya.

وَإِنِّي لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ  
صٰلِحًا ثُمَّ اهْتَدٰى ﴿٨٢﴾

83. Dan apakah yang menyebabkan engkau segera datang ke mari terlebih dahulu daripada kaum engkau wahai Musa?.

﴿ وَمَا اَعْبَدَكَ عَنْ قَوْمِكَ يٰمُوسٰى ﴿٨٣﴾

84. Nabi Musa menjawab: «Mereka sedang menjejaki aku tidak jauh dari sini; dan aku segera datang kepadaMu wahai Tuhanku supaya Engkau reda kepadaku».

قَالَ هُمْ اَوْلَآءُ عَلٰى اَنْثَرٰى وَعَجِلْتُ اِلَيْكَ  
رَبِّ لِتَرْضٰى ﴿٨٤﴾

85. (Setelah selesainya urusan itu) maka Allah berfirman kepada Nabi Musa: «Sesungguhnya Kami

قَالَ فَاِنَا قَدْ فَتَنَّا قَوْمَكَ مِنْۢ بَعْدِكَ وَاَصٰٓهُمُ  
السَّامِرٰى ﴿٨٥﴾

telah menguji kaummu dengan satu ujian sepeninggalanmu, dan mereka telah disesatkan oleh Samiri<sup>(1)</sup>»

86. Kemudian Musa kembali kepada kaumnya dengan marah dan bersedih hati. Musa berkata: “Wahai kaumku! Bukankah Tuhanmu telah menjanjikan kepadamu suatu janji yang baik? Maka apakah terasa lama masa yang berlalu itu bagimu atau kamu mengkehendaki agar kemurkaan daripada Tuhanmu menimpamu, lalu kamu melanggar perjanjianmu dengan aku?”
87. Mereka berkata: “Kami sekali-kali tidak melanggar perjanjianmu dengan kemahuan kami sendiri, tetapi kami disuruh membawa beban-beban dari perhiasan kaum itu, maka kami telah melemparkannya dan demikian pula as-Samiri melemparkannya.”
88. «Kemudian Samiri mengeluarkan untuk mereka daripada leburan barang-barang itu (patung) seekor anak lembu yang bertubuh lagi bersuara, lalu mereka berkata: «Ini ialah tuhan kamu dan tuhan bagi Musa, tetapi Musa telah lupa!»
89. Maka apakah mereka tidak nampak bahawa patung itu tidak dapat menjawab perkataan

فَرَجَعَ مُوسَى إِلَى قَوْمِهِ غَضْبَانَ أَسِفًا  
قَالَ يَا قَوْمِ أَرَأَيْتُمْ لِرَبِّكُمْ وَعْدًا حَسَنًا  
أَفَطَّالَ عَلَيْكُمْ الْعَهْدُ أَمْ أَرَدْتُمْ أَنْ يَحِلَّ  
عَلَيْكُمْ غَضَبٌ مِّن رَّبِّكُمْ فَأَخْلَفْتُم  
مَّوْعِدِي ﴿٨٦﴾

فَالْوَمَا أَخْلَفْنَا مَوْعِدَك بِمَلِكِنَا وَلَكِنَّا  
حُمِلْنَا أَوْ رَأَيْنَا مِن زِينَةِ الْقَوْمِ فَقَدْنَا  
فَكَذَّبَكَ الْقِيَاسِيُّ ﴿٨٧﴾

فَأَخْرَجَ لَهُمْ عِجْلًا جَسَدًا لَهُ خُورٌ فَقَالُوا  
هَذَا إِلَهُكُمْ وَإِلَهُ مُوسَىٰ فَنَسِيَ ﴿٨٨﴾

أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَّهُ لَا يُجِيبُهُمْ قَوْلًا وَلَا  
يَمْلِكُ لَهُمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا ﴿٨٩﴾

1 As-Samiri ialah seorang Bani Israel daripada suku as-Samirah.

mereka, dan tidak berkuasa mendatangkan bahaya atau memberi manfaat kepada mereka?

90. Dan sesungguhnya, Harun telahpun berkata kepada mereka sebelum itu: «Wahai kaumku, sesungguhnya kamu hanya diperdayakan dengan patung itu, dan sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang melimpah rahmatNya; maka ikutlah aku dan taatilah perintahku».
91. Mereka menjawab: «Kami akan tetap menyembah patung ini hingga Nabi Musa kembali kepada kami».
92. (Sekembalinya) Nabi Musa berkata: «Wahai Harun, apakah yang menghalangmu ketika engkau melihat mereka telah sesat?»
93. «Tidakkah kamu mengikut (amanah) ku? Adakah engkau ingkar suruhanku?»
94. Nabi Harun menjawab: «Wahai anak ibuku! Janganlah engkau memegang janggutku dan janganlah menarik (rambut) kepalaku. Sesungguhnya aku takut bahawa engkau akan berkata kepadaku: «Engkau telah memecah-belahkan kaum Bani Israel sesama sendiri, dan engkau tidak menjaga pesananku!»

وَلَقَدْ قَالَ لَهُمْ هَارُونُ مِنْ قَبْلُ يَقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنْتُمْ بِهِ وَإِنَّ رَبَّكُمُ الرَّحْمَنُ فَاتَّبِعُونِي وَأَطِيعُوا أَمْرِيَ ﴿٩٠﴾

قَالُوا لَنْ نَبْرَحَ عَلَيْهِ عَاكِفِينَ حَتَّى يَرْجِعَ إِلَيْنَا مُوسَى ﴿٩١﴾

قَالَ يَهْرُونَ مُأْمَنُوعٌ إِيذًا يَأْتِيهِمْ صَلَوَاتِي ﴿٩٢﴾

أَلَا تَتَّبِعَنِ أَفَعَصَيْتَ أَمْرِي ﴿٩٣﴾

قَالَ يَبْنَؤُمْ لَأَتَّخِذُ لِجَبْتِي وَلِأَبْرَأْسِي إِلَى خَشِيئَتٍ أَنْ تَقُولَ فَرَّقْتَ بَيْنَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَوْ تَرَفُّبٌ قَوْلِي ﴿٩٤﴾

95. (Sesudah itu Nabi Musa menunjukkan kemarahannya kepada Samiri lalu) bertanya: «Maka apa pula percakapanmu, wahai Samiri?»
96. Dia menjawab: «Aku melihat dan menyadari apa yang tidak diketahui oleh mereka, lalu aku menggenggam segenggam dari kesan jejak malaikat<sup>(1)</sup> itu, kemudian aku mencampakkannya; dan demikianlah aku dihasut oleh hawa nafsuku».
97. Musa berkata: “Pergilah kamu! Maka sesungguhnya bagimu di dalam kehidupan di dunia ini (hanya dapat) mengatakan: “Janganlah menyentuh (aku).” Sesungguhnya bagimu hukuman (di akhirat) yang kamu sekali-kali tidak dapat menghindarinya dan lihatlah Tuhanmu itu yang kamu tetap menyembahnya. Sesungguhnya kami akan membakarnya, kemudian kami sungguh-sungguh akan menghamburkannya ke dalam laut (berupa abu yang berserakan).
98. «Sesungguhnya Tuhan kamu hanya Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia, pengetahuanNya meliputi segala-galanya».

قَالَ فَمَا حَتَّكَ يَا سَمِيرِيُّ ﴿٩٥﴾

قَالَ بَصُرْتُ بِمَا لَمْ يَبْصُرُوا بِهِ فَقَبَضْتُ قَبْضَةً مِّنْ أَثَرِ الرَّسُولِ فَنَبَذْتُهَا وَكَذَلِكَ سَوَّلَتْ لِي نَفْسِي ﴿٩٦﴾

قَالَ فَادْهَبْ فَإِنَّ لَكَ فِي الْحَيَاةِ أَنْ تَقُولَ لَا مِسَاسَ وَإِنَّ لَكَ مَوْعِدًا لَّنْ يُخْلَفَهُ وَانظُرْ إِلَى إِلْهِكَ الَّذِي ظَلْتَ عَلَيْهِ عَاكِفًا لَّنُحَرِّقَنَّهُ ثُمَّ لَنَنْسِفَنَّهُ فِي الْبَحْرِ نَسْفًا ﴿٩٧﴾

إِنَّمَا إِلْهُكُمُ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَسِعَ كُلَّ شَيْءٍ عِلْمًا ﴿٩٨﴾

1 Jibril alaihissalam (sila rujuk al-Muharrar al-Wajiz, hlm 1264).

99. Demikianlah Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), sebahagian daripada kisah-kisah umat manusia yang terdahulu, dan sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu (sebuah Kitab al-Quran yang menjadi) peringatan.
100. Sesiapa yang berpaling daripada peringatan al-Quran itu, maka sesungguhnya dia pada hari kiamat menanggung beban (dosa) yang berat.
101. Mereka kekal di dalam (azab) dosa itu; dan amatlah buruknya tanggungan itu bagi mereka pada hari kiamat.
102. (Iaitu) hari ditiup sangkakala, dan Kami akan himpunkan pada hari itu orang yang berdosa dalam keadaan kelabu matanya.
103. Mereka berbisik-bisik sesama mereka: “Kamu tidak tinggal (di dunia) melainkan hanya sepuluh (hari).”
104. (Allah berfirman): Kami lebih mengetahui akan kadar masa yang mereka katakan itu, manakala orang yang lebih tepat pendapatnya di antara mereka berkata pula: «Tidaklah kamu tinggal melainkan satu masa yang amat singkat».
105. Dan mereka (yang kafir) bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang gunung-ganang; maka

كَذَلِكَ نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ مَا قَدْ سَبَقَ وَقَدْ  
ءَاتَيْنَاكَ مِنْ لَدُنَّا ذِكْرًا ﴿٩٩﴾

مَنْ أَعْرَضَ عَنْهُ فَإِنَّهُ يَحْمِلُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ  
وِزْرًا ﴿١٠٠﴾

خَالِدِينَ فِيهِ وَسَاءَ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حِمْلًا ﴿١٠١﴾

يَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ وَنَحْشُرُ الْمُجْرِمِينَ  
يَوْمَئِذٍ زُرْقًا ﴿١٠٢﴾

يَتَخَفَتُونَ بَيْنَهُمْ إِنْ لَبِثْتُمْ إِلَّا عَشْرًا ﴿١٠٣﴾

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَقُولُونَ إِذْ يَقُولُ أَمْثَلُهُمْ  
طَرِيقَةً إِنْ لَبِثْتُمْ إِلَّا يَوْمًا ﴿١٠٤﴾

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْجِبَالِ فَقُلْ يَنْسِفُهَا رَبِّي  
نَسْفًا ﴿١٠٥﴾

jawablah: «Tuhanku akan menghancurkannya menjadi debu ditiup angin.

106. «Maka Dia membiarkan tapak gunung-ganang itu (di bumi) rata lagi licin».

فَيَذَرُهَا قَاعًا صَفْصَفًا ﴿١٠٦﴾

107. Engkau tidak akan melihat pada tapaknya itu tempat yang rendah atau yang tinggi.

لَا تَرَىٰ فِيهَا عِوَجًا وَلَا أَمْتًا ﴿١٠٧﴾

108. Pada hari itu, mereka mengikut seruan panggilan yang menyeru<sup>(1)</sup> mereka dengan tidak dapat melencong daripada mengikutinya, dan diam khusyuklah segala suara kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya sehingga engkau tidak mendengar melainkan bisikan.

يَوْمَئِذٍ يَتَّبِعُونَ الدَّاعِيَ لَعِوَجٍ لَهُ وَّخَشَعَتِ الْأَصْوَاتُ لِلرَّحْمَنِ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمْسًا ﴿١٠٨﴾

109. Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat (daripada dan kepada sesiapaupun) kecuali daripada orang yang diizinkan oleh Allah, dan kepada orang yang diredai perkataannya.

يَوْمَئِذٍ لَا تَنْفَعُ الشَّفَعَةُ إِلَّا مَنْ أِذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَرَضِيَ لَهُ قَوْلًا ﴿١٠٩﴾

110. Allah mengetahui apa yang ada di hadapan mereka (daripada hal-hal dunia), dan apa yang ada di belakang mereka (daripada perkara akhirat), sedang ilmu mereka tidak dapat meliputi ilmuNya.

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِهِ عِلْمًا ﴿١١٠﴾

111. Dan segala muka akan tunduk dalam keadaan hina kepada Allah Yang Tetap Hidup,

وَعَنَتِ الْوُجُوهُ لِلْحَيِّ الْقَيُّومِ وَقَدْ خَابَ مَنْ حَمَلَ ظُلْمًا ﴿١١١﴾

1 Penyeru di sini ialah malaikat yang memanggil manusia untuk menghadap ke hadirat Allah.

lagi Yang Kekal Mentadbir makhluk selama-lamanya; dan sesungguhnya telah rugi dan hampalah orang yang menanggung dosa kezaliman.

- 112.** Dan sesiapa yang mengerjakan amalan yang soleh dan dia beriman, maka tidaklah (seharusnya) dia berasa takut dianiaya atau dikurangkan sedikitpun dari pahalanya.
- 113.** Dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Quran sebagai bacaan dalam bahasa Arab, dan Kami telah terangkan di dalamnya pelbagai amaran semoga mereka (umat manusia seluruhnya) bertakwa, atau mereka mendapat daripadanya sesuatu peringatan.
- 114.** Maka Maha Tinggiilah Allah, Yang Menguasai seluruh alam, lagi Yang Benar (pada segala-galanya), dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: «Wahai Tuhanku, tambahkanlah ilmuku».
- 115.** Dan sesungguhnya telah Kami berpesan kepada Adam dahulu, maka dia lupa (perintah itu) dan tidak Kami dapati padanya kemahuan yang kuat.

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَا يَخَافُ ظُلْمًا وَلَا هَضْمًا ﴿١١٢﴾

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ الْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا ﴿١١٣﴾

فَتَعَلَى اللَّهِ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ ۗ وَقُل رَّبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

وَلَقَدْ عَاهَدْنَا آلَ آدَمَ مِنْ قَبْلِ فَنَسِيَ وَتَرَىٰ جِدْدَهُ وَعَدَمًا ﴿١١٥﴾

- 116.** Dan ketika Kami berfirman kepada para malaikat: «Sujudlah kamu kepada Adam», lalu mereka sujud, melainkan Iblis, dia enggan sujud.
- 117.** Maka, Kami berfirman: «Wahai Adam sesungguhnya Iblis ini musuh bagimu dan bagi isterimu; maka janganlah dia menyebabkan kamu berdua keluar dari syurga kerana dengan yang demikian engkau (dan isterimu) akan menderita.
- 118.** «Sesungguhnya telah dikurniakan pelbagai nikmat bagimu, bahawa engkau tidak akan lapar dalam syurga itu dan tidak akan bertelanjang.
- 119.** «Dan sesungguhnya engkau juga tidak akan dahaga dalam syurga itu dan tidak akan merasa panas matahari».
- 120.** Setelah itu maka syaitan membisikkan (hasutan) kepadanya, dengan berkata: «Wahai Adam, mahukah aku tunjukkan kepadamu pohon yang membolehkan kamu hidup selama-lamanya (pohon khuldi<sup>1</sup>), dan kekuasaan yang tidak akan hilang?»
- 121.** Kemudian mereka berdua memakan daripada pohon itu, lalu terdedahlah kepada mereka aurat masing-masing, dan mereka

وَاذْقُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ  
فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى ﴿١١٦﴾

فَقُلْنَا يَا آدَمُ إِنَّ هَذَا عَدُوٌّ لَكَ وَلِزَوْجِكَ  
فَلَا يُخْرِجُكَ كَمَا مِنَ الْجَنَّةِ فَتَشقى ﴿١١٧﴾

إِنَّ لَكَ الْأَنْجُوعَ فِيهَا وَلَا تَعْرَى ﴿١١٨﴾

وَأَنَّكَ لَا تَظْمَأُ فِيهَا وَلَا تَصْحَى ﴿١١٩﴾

فَوَسْوَسَ إِلَيْهِ الشَّيْطَانُ قَالَ يَكَادُمُ هَلْ  
أَدُلُّكَ عَلَى شَجَرَةٍ الْخُلْدِ وَمَلِكٍ لَا يَبُلُ ﴿١٢٠﴾

فَأَكَلَا مِنْهَا فَبَدَتْ لَهُمَا سَوْآتُهُمَا  
وَطَفِقَا يَخْصِفَانِ عَلَيْهِمَا مِنْ وَرَقِ الْجَنَّةِ  
وَغَصَى آدَمُ رَبَّهُ فَغَوَى ﴿١٢١﴾

1 Pohon itu dinamakan Syajaratul-Khuldi (pohon abadi), kerana menurut bisikan syaitan, orang yang makan buahnya akan kekal, tidak akan mati.

mulai menutupnya dengan daun-daun dari syurga. Dan dengan itu derhakalah Adam kepada Tuhannya lalu tersalah jalan.

122. Kemudian Tuhannya memilihnya (dengan diberi taufiq untuk bertaubat), lalu Allah menerima taubatnya serta diberi hidayah.
123. Allah berfirman: «Turunlah kamu berdua dari syurga itu bersama-sama dalam keadaan sebahagian kamu menjadi musuh bagi sebahagiannya yang lain, kemudian jika datang kepada kamu hidayah daripadaKu, maka sesiapa yang mengikut hidayahKu itu nescaya dia tidak akan sesat dan dia pula tidak akan menderita.
124. «Dan sesiapa yang berpaling daripada peringatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta».
125. Dia berkata: «Wahai Tuhanku, mengapa Engkau himpunkan aku dalam keadaan buta, sedangkan sesungguhnya aku dahulu melihat?»
126. Allah berfirman: «Demikianlah keadaannya! Telah datang ayat-ayat Kami kepadamu, lalu engkau melupakan serta meninggalkannya, dan

ثُمَّ اجْتَبَاهُ رَبُّهُ وَفَتَابَ عَلَيْهِ وَهَدَاهُ ﴿١٢٢﴾

قَالَ أَهَيْطًا مِنْهَا جَمِيعًا بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ  
عَدُوٌّ فَإِنَّمَا يَأْتِيَنَّكُمْ مِنِّي هُدًى فَمَنِ  
اتَّبَعَ هُدَايَ فَلَا يَضِلُّ وَلَا يَشْقَى ﴿١٢٣﴾

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ لَمَعِيشَةً  
ضَنْكًا وَنَحْشُرَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَعْمَى ﴿١٢٤﴾

قَالَ رَبِّ لِمَ حَشَرْتَنِي أَعْمَى وَقَدْ كُنْتُ  
بَصِيرًا ﴿١٢٥﴾

قَالَ كَذَلِكَ أَنتَ كَذَلِكَ إِنَّمَا فَتَنَّاهُ فَانْسِبْهَا وَكَذَلِكَ  
الْيَوْمَ تُنْسَى ﴿١٢٦﴾

demikianlah engkau pada hari ini dilupakan serta ditinggalkan».

- 127.** Dan demikianlah Kami membalas orang yang melampaui batas dan tidak beriman kepada ayat-ayat Tuhannya; dan sesungguhnya azab akhirat itu lebih berat dan lebih kekal.
- 128.** Adakah tersembunyi serta belum jelas lagi kepada mereka: berapa banyak Kami telah binasakan dari kamu-kaum yang terdahulu dari mereka, sedang mereka berulang-alik melalui tempat-tempat tinggal kaum-kaum itu? Sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda-tanda bagi orang yang berakal.
- 129.** Dan jika tidak kerana telah terdahulu Kalimah Tuhanmu (wahai Muhammad), dan satu tempoh yang ditentukan nescaya balasan jenayah mereka sudah semestinya berlaku.
- 130.** Maka bersabarlah engkau (wahai Muhammad) atas apa yang mereka katakan, dan beribadatlah dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan terbenam, juga pada waktu malam dan siang, semoga engkau reda (dengan mendapat sebaik-baik balasan).
- 131.** Dan janganlah engkau menunjukan pandangan kedua matamu dengan keinginan kepada apa yang telah Kami berikan kepada beberapa

وَكَذَلِكَ نَجْزِي مَنْ أَسْرَفَ وَلَمْ يُؤْمِنْ بِآيَاتِ رَبِّهِ ۚ وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَشَدُّ وَأَبْقَى ﴿١٢٧﴾

أَفَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كُرْهُهُمُ الَّذِي كَفَرُوا قَبْلَهُمْ مِنَ الْقُرُونِ يَمْشُونَ فِي مَسْجِدِنَا ۚ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّأُولِي النُّهَى ﴿١٢٨﴾

وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِنْ رَبِّكَ لَكَانَ لِزَامًا وَأَجَلٌ مُّسَمًّى ﴿١٢٩﴾

فَاصْبِرْ عَلَىٰ مَا يَقُولُونَ وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا وَمِنْ آنَاءِ آيَاتِ فَسَبِّحْ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ لَعَلَّكَ تَرْضَىٰ ﴿١٣٠﴾

وَلَا تَمُدَّنَّ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ زَهْرَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا لِنَفِثَ فِيهِمْ وَرَرَّفُ رَبِّكَ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ﴿١٣١﴾

golongan daripada mereka (yang kafir itu) menikmati, yang merupakan keindahan kehidupan dunia ini, untuk Kami menguji mereka padanya, sedang kurniaan Tuhanmu di akhirat lebih baik dan lebih kekal.

132. Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat, dan bersabarlah menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki daripadamu, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu, dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa.
133. Dan mereka yang kafir berkata: «Mengapa dia tidak membawa kepada kami satu tanda mukjizat daripada Tuhannya yang membuktikan kebenarannya?» Bukankah telah datang kepada mereka pelbagai bukti yang nyata dan khasnya al-Quran yang menjadi kenyataan yang menerangkan apa yang terkandung di dalam kitab-kitab yang terdahulu?
134. Dan sekiranya Kami binasakan mereka dengan sesuatu azab sebelum datangnya rasul Kami (yang membawa al-Quran ini), tentulah mereka akan berkata pada hari kiamat: «Wahai Tuhan Kami! Mengapa Engkau tidak mengutuskan kepada kami seorang rasul supaya kami menurut ayat-ayatMu yang

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ  
رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى ﴿١٣٢﴾

وَقَالُوا لَوْلَا يَأْتِيَنَا آيَاتُهُ مِنْ رَبِّهِ أَوْ لَمْ  
تَأْتِهِمْ بَيِّنَةٌ مَا فِي الصُّحُفِ الْأُولَى ﴿١٣٣﴾

وَلَوْ أَنَّا أَهْلَكْنَاهُمْ بَعْدَ إِسْرَائِيلَ لَقَالُوا  
رَبَّنَا لَوْلَا أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَتُنَبِّئَ  
عَائِنَتِكَ مِنْ قَبْلِ أَنْ نُنْزِلَ وَنُخْرِجَ ﴿١٣٤﴾

dibawanya, sebelum kami menjadi hina (dengan azab di dunia), dan mendapat malu (dengan azab di akhirat)?»

- 135.** Katakanlah (wahai Muhammad): «Setiap seorang (di antara kita) sedang menunggu; maka tunggulah kamu! Maka kamu akan mengetahui kelak siapakah penghuni jalan yang lurus, dan juga siapa yang mendapat hidayah».

قُلْ كُلُّ مُرْتَبِّصٍ فَتَرَىٰ صَوَابَ مَا كَانُوا يَسْتَطْعَمُونَ مَنِ  
أَصْحَابُ الصِّرَاطِ السَّوِيِّ وَمَنِ اهْتَدَىٰ ﴿١٣٥﴾

